

Karya ilmiah wadah ilmu masyarakat - Tuanku Mizan

8# 14/05/07 pg. T1

■ ASWANY OMAR

KUALA TERENGGANU – Penghasilan karya ilmiah oleh ahli akademik ialah satu wadah penting ke arah menyampaikan ilmu pengetahuan baru kepada masyarakat, selain ia dijadikan sebagai bahan rujukan generasi akan datang.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed berkata, ilmu pengetahuan dan pengalaman didokumentasikan dan dibukukan menjadi pemangkin kepada aktiviti penulisan berkai-

Kedua-dua majlis berkenaan disempurnakan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Menurutnya, selaras dengan hasrat berkenaan, kementeriannya menyediakan pelbagai prasarana terbaik bagi memastikan pembangunan dalam bidang itu mampu menjadi pendorong kepada misi memartabatkan pendidikan negara ke peringkat antarabangsa.

Katanya, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) boleh memainkan peranan proaktif sebagai menyokong usaha penerbitan dan pe-

“Ilmu pengetahuan dan pengalaman yang didokumentasikan dan dibukukan menjadi pemangkin kepada aktiviti penulisan berkaitan penerbitan karya akademik.”

- Mustapa Mohamad

tan penerbitan karya akademik.

“Perkembangan ini sesuai dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai hub pendidikan yang bertujuan menarik lebih ramai pelajar asing melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang di negara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Pemasyhuran Perpustakaan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Pelancaran Buku Evolusi UMT (UMT) di Dataran Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, universiti berkenaan, semalam.

nyelidikan bagi tujuan pendidikan berterusan selain mematinakan pembelajaran sepanjang hayat dapat dilaksanakan.



Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Sultanah Nur Zahirah mencemar duli melihat kandungan buku Evolusi UMT di Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, semalam.

Mengenai perpustakaan baru itu, Mustapa berkata, ia adalah sebagai gedung ilmu yang berperanan melahirkan masyarakat berbudaya dan berilmu dalam menyokong pembentukan minda cemerlang sesuai dengan keperluan pendidikan masa kini.

“Gedung ilmu ini me-

njadi platform kepada maklumat dalam bidang ekonomi, kebudayaan, kesihatan, pemakanan, alam sekitar dan sosial,” katanya.

Mustapa berkata, maklumat positif mampu meningkatkan nilai pengetahuan bagi melahirkan masyarakat berilmu dan jati diri yang tinggi.